

# PEMBANGUNAN BELIA DARI PERSPEKTIF PENGURUSAN ISLAM

(YOUTH DEVELOPMENT FROM ISLAMIC MANAGEMENT PERSPECTIVE)

Nik Safiah Nik Abdullah<sup>1</sup>  
Selamah Maamor<sup>2</sup>  
Norazlina Abd Wahab<sup>3</sup>

## Abstrak

*Belia adalah golongan terbesar dalam struktur masyarakat di negara kita. Maka, belia adalah aset negara yang amat bernilai. Justeru, golongan belia ini perlu diasuh dan dibimbing ke jalan yang direndah Allah sehingga mampu menjadi generasi yang boleh dibanggakan. Artikel ini mengupas tentang pembangunan belia dari perspektif pengurusan Islam untuk melahirkan individu dan seterusnya masyarakat yang berkualiti dan berperibadi anggun. Artikel ini juga mengaplikasikan kaedah kualitatif menerusi analisa dokumen dan data sumber sekunder. Hasil perbincangan mendapati bahawa pembangunan belia dari perspektif pengurusan Islam menekankan pembentukan akhlak yang luhur dan kemahiran-kemahiran berlandaskan Islam bagi mencapai dan menepati ciri-ciri ideal belia cemerlang. Justeru, belia sebagai umat hebat akan muncul apabila wujudnya suatu perancangan yang menyeluruh berpaksikan kepada empat unsur utama iaitu pemupukan dan pengawasan terhadap rohani, jasmani, intelek dan emosi sejajar dengan ajaran Islam. Setiap bidang ajaran Islam, sama ada yang berkenaan tasawuf, akidah ataupun fiqh mementingkan pembangunan kualiti insan yang setara.*

**Kata kunci:** *pengurusan Islam, pembangunan belia, ideal.*

## Abstract

*Youth is the largest group in the structures of society in our country. Thus, youth is our greatest and valuable asset for the country. Therefore, it is necessary for youths are brought up and guided to the right path and blessed by God so that they can be the generation that can be proud of the youth. This article discusses the youth development from an Islamic management perspective to produce individuals and subsequently the community of quality and personalized graceful. This article also applies the qualitative method through analysis of documents and data secondary sources. The outcome showed that the youth development from Islamic management perspective emphasizes the formation of high moral character and*

---

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah. Tel: +60194071368 E-mail: nik\_safiah@oya.uum.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah. Tel: +60194480666 E-mail: selamahm@uum.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah. Tel: +60134885666 E-mail: norazlina.aw@uum.edu.my

*the skills based on Islam to achieve and meets the ideal brilliant youth. Hence, the youth as a great nation will appear when there is a comprehensive plan centered on four main elements, namely fertilization and supervision of the spiritual, physical, intellectual and emotional in line with Islamic teaching. Each field of Islamic teaching, whether in respect of tasawuf, aqidah or fiqh emphasizes the development of quality human equivalent.*

**Keywords:** *Islamic management, youth development, ideal*

2015 GBSEJournal

## **Pengenalan**

Oleh kerana golongan belia adalah golongan yang akan mewarisi tampuk kepimpinan negara di masa hadapan, maka salah satu agenda utama dalam sesebuah negara adalah pembangunan dan pembinaan jati diri seseorang individu belia. Golongan kepimpinan belia inilah yang mencorakkan hala tuju sesebuah negara dan kemajuan agama Islam itu sendiri di masa akan datang. Malah, dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9), kerajaan Malaysia telah menekankan pembangunan modal insan yang bukan sahaja mempunyai kemahiran saintifik yang canggih tetapi turut mempunyai nilai moral dan kerohanian yang tinggi serta berminda kelas pertama (Sarjit & Wan Ahmad Amir Zal, 2008; Abdullah, 2006).

Justeru, persoalan berkaitan golongan belia merupakan suatu topik perbincangan yang serius dan memerlukan keprihatinan yang tinggi oleh semua pihak yang terlibat dengannya. Mereka adalah pewaris kepada kepimpinan dan kegemilangan negara di masa akan datang. Golongan belia memainkan tanggungjawab dan peranan yang amat besar terhadap agama, masyarakat, bangsa dan negara untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran negara yang mampan. Peranan belia bukan sekadar menuntut ilmu, membina kerjaya atau melakukan aktiviti-aktiviti bagi memenuhi masa senggang dan hobi sahaja tetapi warga belia sepatutnya turut sama menyumbang idea, masa dan tenaga ke arah pembangunan belia untuk menjadi sebuah bangsa yang dihormati dan disegani di persada dunia.

Ekoran itu, keperibadian mereka harus dilentur sedaya upaya agar elemen rohani, jasmani, intelek dan emosi yang terbentuk dengan suburnya itu dapat diseimbangkan. Komuniti dewasa yang lebih berpengalaman seharusnya membantu dan memberikan kerjasama yang tidak berbelah bagi untuk memastikan kegemilangan dalam usia muda ini dapat direalisasikan. Belia harus dibinakan keupayaan, disuburkan keintelektualan, dimotivasikan rangsangan dan gerakkannya supaya mereka ada kekuatan dengan sepenuh hati mengangkat harga diri dan martabat ke peringkat antarabangsa. Maka, memperkasakan potensi kecemerlangan belia yang amat berharga ini dalam pelbagai aspek merangkumi disiplin kehidupan, kemasyarakatan dan pengetahuan adalah menjadi tanggungjawab bersama. Segala usaha ini harus dilakukan secara berterusan kerana usia belia ini sering dikaitkan dengan segala keinginan dan kelakuan yang negatif.

Menurut Mohd Ismail (2005), golongan belia pada kacamata masyarakat adalah usia yang melambangkan kepantasan, kemudahan, keteguhan, keseronokan, kegembiraan dan segala keindahan dan kesempurnaan. Desakan hati mereka memang ingin bebas tanpa kongkongan dan sekatan dengan ertikata yang salah (tidak boleh dibentuk, dihalang dan ditegur keinginan mereka). Mereka lebih cenderung kepada perkara-perkara yang tidak bermoral sekiranya fokus dan penumpuan terhadap pembinaan kerohanian yang sempurna dan mantap tidak dititikberatkan. Maka, faktor utama adalah melalui pendidikan awal di dalam institusi

kekeluargaan yang kurang menekankan penghayatan, pengamalan dan kefahaman agama. Selain itu, faktor persekitaran juga tidak memberi sumbangan ke arah pembentukan budaya positif, segala kebaikan dan nilai-nilai murni. Ditambah lagi peranan media massa sama ada berbentuk cetakan atau elektronik banyak membentuk minda dan persepsi belia ke arah kemungkaran dan gejala-gejala negatif. Penyakit-penyakit moral ini dianggap oleh masyarakat sebagai lumrah bagi belia dewasa kini.

Hakikatnya, Islam memandang fitrah semula jadi manusia adalah cinta kepada kesempurnaan, ketulusan, kebaikan, kesucian dan pengabdian diri kepada Allah s.w.t. Penyakit-penyakit tersebut bukan lumrah bagi belia muslim. Belia muslim senantiasa dilindungi dengan kemahuan yang positif, menyuburkan minda dan jiwa (rohani) ke arah ketaqwaan, keimanan dan kegemilangan. Tanggapan inilah yang merupakan asas utama perlu diperbetulkan di kalangan masyarakat dan belia. Sekiranya masyarakat dan belia mempunyai tafsiran yang betul terhadap peranan yang perlu dimainkan maka pembentukan belia cemerlang melalui penyusunan semula akan mudah dan lancar.

Kesimpulannya, Islam itu sendiri merupakan penyelesaian kepada pelbagai masalah manusia. Kaedah-kaedah yang ditawarkan dalam Islam pula sangat komprehensif meliputi semua aspek termasuk sekecil-kecil perkara dan yang paling asas. Kesempurnaan Islam dalam memberikan jalan penyelesaian ini walaubagaimanapun tidak dapat memberi apa-apa makna sekiranya kandungan dan ajarannya tidak benar-benar didalami dan difahami dengan baik. Oleh yang demikian, strategi pengurusan pembangunan belia amat penting untuk dikupas agar ianya selari dengan ajaran Islam bagi melahirkan belia yang berhemah tinggi dan boleh dibanggakan. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengupas tentang pembangunan belia dari perspektif pengurusan Islam dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif menerusi analisa dokumen dan data sumber sekunder. Sumber sekunder merujuk kepada bahan kajian seperti jurnal-jurnal, buku-buku dan prosiding sedia ada yang membincangkan mengenai pembangunan belia.

## **Perbincangan**

### ***Definisi Belia***

Belia dan remaja secara umumnya merujuk kepada suatu tahap perkembangan dalam kehidupan seorang individu. Perkataan “belia” ini didefinisikan dalam pelbagai maksud, sama ada dalam kamus mahupun dalam perundangan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), belia bermaksud muda belia, sangat muda, golongan muda secara keseluruhannya yang terdiri daripada pemuda dan pemudi. Namun begitu, takrif belia menurut Dasar Pembangunan Belia Negara (1997) adalah mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Walaubagaimanapun dari segi strategi pelaksanaan program dan orientasi aktiviti, tumpuan utama ialah mereka yang berumur 18 hingga 25 tahun.

Menurut perspektif Islam, belia dikaitkan dengan umur baligh di mana usia baligh dan akal sempurna sebagai faktor penentu. Di dalam al-Qur’an ada disebut perkataan *fata* dan dalam hadis pula disebut perkataan *syabab*. Kedua-duanya membawa maksud pemuda atau belia (Abdul Ghafar, 2000). Justeru, Islam mentakrifkan belia sebagai satu fasa umur alam baligh yang menerima tanggungjawab (*taklif*) atas setiap perbuatan yang dilakukan di mana manusia ditentukan kewajipan melaksanakan tanggungjawab kepada Allah, rasul dan masyarakat (JAKIM, 2009).

Menurut Tajul Ariffin (1990), belia Islam ialah belia di peringkat usia yang penuh dengan cita-cita yang tinggi dan darah gemuruh serta idealisme yang luas. Lantaran dari itu, Mohd Ismail (2005) telah merumuskan bahawa belia yang sedemikian mempunyai tanggungjawab dan nilai-nilai khusus yang berperanan melakukan perubahan dalam masyarakat ke arah menegakkan kebenaran. Di dalam al-Qur'an juga banyak menyebut tentang kepentingan belia dalam membangunkan negara. Antara surah yang menceritakan tentang belia ialah Surah *al-Kahfi* yang mana terdapat contoh teladan yang baik boleh diikuti pada pemuda *Kahfi*.

Maka, usia belia adalah usia berharga dan mereka mempunyai kecergasan akal fikiran, ketahanan fizikal, kemahuan, kematangan diri dan semangat juang yang tinggi serta keupayaan mencuba sesuatu yang baru dan kreatif. Mereka perlu diajar, diawasi dan dipimpin seelok mungkin supaya aset bernilai ini benar-benar dapat dimaksimumkan potensinya ke arah akal, rohani, emosi dan jasmani yang mengangumkan secara sepadu (Mohd Ismail, 2005). Justeru, strategi pembangunan belia melalui pengurusan Islam salah satu kaedah ke arah pembentukan belia ideal dan cemerlang agar dapat memberi sumbangan kepada kemajuan negara. Ini juga adalah kerana kualiti akhlak belia pada hari ini turut menjadi ukuran kepada kemajuan atau kemunduran sesebuah negara pada masa hadapan.

### ***Deskripsi Tentang Pembangunan Belia***

Menurut *Falsafah Pendidikan Kebangsaan* memperkembangkan potensi individu secara bersepadu dan komprehensif adalah suatu usaha berterusan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi emosi, rohani, jasmani dan intelek berasaskan keimanan yang tinggi kepada Allah. Usaha ini bertujuan bagi melahirkan warga belia yang berakhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab, berilmu pengetahuan dan berkemampuan mencapai keharmonian diri, serta memberi sumbangan terhadap kesejahteraan dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Ini kerana negara maju menurut Mahathir (1991) bukan sekadar aspek ekonomi malah merangkumi semua aspek kehidupan seperti budaya, politik, sosial, psikologi dan kerohanian.

Walaupun, harapan Malaysia untuk menjadi negara maju pastinya menjadi sukar seandainya warga belia di negara ini terjerumus dengan permasalahan akhlak yang sangat bertentangan dengan prinsip Islam. Malah, perkara yang perlu dirisaukan adalah masalah sosial di kalangan belia kini semakin meruncing. Berbagai ragam krisis akhlak dan moral terus merebak dan menular dalam masyarakat kita khususnya dalam kalangan remaja.

Sehubungan itu, pembangunan belia dengan pendekatan pembangunan belia positif sangat penting dalam sesebuah negara kerana pendekatan ini memberi fokus kepada persekitaran, kemahiran dan tingkah laku positif selari dengan pembentukan sikap, jati diri dan personaliti yang positif untuk melahirkan keyakinan diri yang tinggi bagi setiap belia dalam mengharungi cabaran hidup mereka (Fazilah, 2009). Pendekatan ini mengambil kira pembangunan belia sebagai satu proses sosial yang melibatkan diri belia, orang dewasa, masyarakat, agensi kerajaan dan sekolah dalam menyediakan peluang kepada belia untuk meningkatkan minat, kemahiran dan kebolehan mereka sebagai persediaan menuju alam dewasa (Rohana & Norhasni, 2014)

Pada keseluruhannya, pembangunan belia positif adalah melibatkan proses fizikal, sosial, dan emosi yang berlaku semasa tempoh remaja. Jelasnya, ia adalah proses di mana golongan muda memperolehi kemahiran kognitif, sosial, dan emosi dan kebolehan yang diperlukan untuk mengemudi kehidupan (University of Minnesota Extension; 2005). Ia bermatlamatkan pembangunan positif dan suasana yang membawa kepada kesejahteraan dalam semua domain kehidupan (Benson, Leffets, Scales & Blyth, 1998).

Dalam pembangunan belia positif terdapat lapan elemen kritikal yang mana belia akan mendapat manfaat menerusi pengalaman yang disediakan daripada semua elemen-elemen ini (University of Minnesota Extension; 2005):

- i) Belia berasa selamat dari segi fizikal dan emosi
- ii) Belia melalui pengalaman dalam suasana kekitaan (*belonging*) dan kekitaan (*ownership*)
- iii) Belia membangunkan nilai diri
- iv) Belia menerokai diri
- v) Belia membina hubungan yang berkualiti bersama rakan sebaya dan orang dewasa
- vi) Belia membincangkan nilai-nilai yang konflik dan membentuk diri mereka
- vii) Belia merasakan kebanggaan dan akauntabiliti yang datang dari penguasaan
- viii) Belia mengembangkan keupayaan mereka untuk menikmati kehidupan dan mengetahui bahawa kejayaan adalah mungkin.

Menurut Wan Suhaimi (2008), tabiat manusia dari pelbagai aspek perlu diambil kira dalam perancangan pembangunannya. Kegagalan mengenalpasti secara menyeluruh fakta-fakta dasar tabiat manusia akan menggugat kejayaan pembinaan dan pembangunannya. Begitu juga dari aspek kesungguhan dan keberterusan projek pembinaan manusia, ia perlu dipantau kerana usaha membina manusia adalah usaha berterusan dan tidak boleh dihadkan titik akhirnya. Ini kerana manusia memiliki dua unsur yang bertentangan iaitu akal dan nafsu yang sering berusaha menguasai antara satu dengan yang lain. Penguasaan akal ke atas nafsu membuahkan pembinaan insan yang berkualiti manakala sebaliknya penguasaan nafsu ke atas akal akan hanya membawa keruntuhan dan kehancuran kepada manusia.

Lantaran itu, pembangunan belia merupakan antara agenda terpenting dalam sesebuah negara. Ini kerana, ia juga merupakan suatu proses peralihan dalam pelbagai aspek kehidupan belia meliputi pembentukan akhlak, moral dan rohani, sosial, ekonomi, politik, pendidikan, budaya, perundangan dan sebagainya yang membawa perkembangan dan kemajuan (Azizan, 1991). Hakikatnya, pembangunan belia bukan suatu usaha yang boleh dipandang remeh dan dianggap enteng. Ia bukan sepertimana pembangunan material yang boleh dijangka dengan ketara kejayaan dan pencapaiannya. Ia berhubung rapat dengan pelbagai bidang termasuk yang paling asas memahami hakikat manusia yang merupakan matlamat pengislahan (Wan Suhaimi, 2008).

### ***Ciri-Ciri Ideal Belia Yang Cemerlang***

Ciri-ciri ideal belia yang cemerlang turut digariskan oleh seorang sarjana Islam, Abdullah Nasih (1994a). Menurut beliau sekiranya ingin berjaya dalam kehidupan di dunia mahupun di akhirat, terdapat lima asas yang mesti menjadi pegangan iaitu (i) Iman yang teguh dan tidak mudah goyah; (ii) Keikhlasan yang benar, bukan kepura-puraan atau riak; (iii) Kemahuan yang kuat, tidak kenal takut dan gentar; (iv) Kerja keras tidak kenal lelah; dan (v) Berkorban demi mencapai kemenangan.

Menurut Mohd Ismail (2005), cemerlang yang dimaksudkan ini adalah cemerlang melalui gabungan empat aspek iaitu cemerlang rohani, jasmani, emosi dan intelek. Belia yang ideal sewajarnya mempunyai akhlak dan sahsiah diri yang mantap dan luhur. Seseorang belia muslim mesti memiliki benteng keimanan dan akidah yang kukuh dalam menghadapi segala cabaran dalam kehidupan. Mereka juga perlu sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah melalui ketaatan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan dan kemungkaran-Nya. Penumpuan menuntut, memahami, menghayati dan mengamalkan keseimbangan ilmu duniawi dan ukhrawi akan menatijahkan akhlak yang mendamaikan kepada diri dan sekeliling. Islam juga menuntut agar setiap individu muslim menjaga kesihatan tubuh badan supaya dapat melaksanakan segala tanggungjawab terutama tugas agama dengan sempurna.

Selain daripada itu, golongan belia yang ideal dan cemerlang bukan sahaja memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi Islam melalui keusahawanan Islam malah turut serta dalam kerja-kerja sukarelawan atau berpesatuan sebagai tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Belia yang hebat juga senantiasa peka kepada isu-isu yang melanda negara dan dunia khususnya dunia Islam seterusnya menyumbang idea-idea bernas bagi kemajuan bersama. Kepekaan belia kepada setiap perubahan yang berlaku dapat memantapkan fikiran, meluaskan pengalaman dan bijak dalam mengatur strategi demi menghadapi hari-hari mendatang yang semakin mencabar.

Tanpa pemerhatian teliti, kesungguhan dan pengorbanan, azam, ketajaman pemikiran yang tinggi, mutiara berharga yang diketengahkan ini tidak dapat dimiliki manfaatnya. Minda masyarakat hari ini banyak dikaburi dengan penampilan belia daripada Barat yang mengundang berbagai masalah sosial. Belia kita hari ini sudah terkesan dengan propaganda Barat sehingga mereka lebih selesa dengan penampilan ala Barat. Cara bercakap, bergaul, berpakaian, bertingkah laku dan sebagainya berpandukan contoh daripada Barat.

### ***Pembangunan Belia dari Perspektif Pengurusan Islam***

Islam mendukung penuh usaha membentuk dan membangunkan manusia berkualiti bahkan konsep kualiti itu sendiri adalah unik dalam Islam kerana ia menggabungkan kedua-dua aspek fizikal dan rohani, dunia dan akhirat (Wan Suhaimi, 2008). Menurut Wan Suhaimi (2008), setiap aspek ajaran Islam, sama ada yang berkaitan akidah, fiqh mahupun tasawuf menekankan pembangunan kualiti manusia yang seimbang. Falsafah Islam, yang juga merupakan satu dari ciri keilmuan dan tamadun Islam, tidak ketinggalan dalam menyumbang dan mengemukakan pendekatan tersendiri dalam konteks pembangunan modal insan. Ini jelas apabila topik manusia dianggap sebagai satu dari cabang besar falsafah, di samping topik berkaitan Tuhan dan alam.

Konsep Islam dalam pembangunan belia adalah bersumberkan al-Qur'an dan *al-sunnah* menerusi landasan akhlak, akidah dan syariah. Aspek terpenting yang lahir dari komponen tersebut adalah untuk membangunkan belia melalui pembangunan spiritual ummah berasaskan kepada kekuatan rohani untuk membina suatu peradaban yang cemerlang dan mampan (Fadillah & Tengku Sarina, 2008).

Menurut Abdul Rahman (2006), konsep pembangunan belia dalam konteks pengurusan Islam lebih memberi penekanan kepada kesedaran tentang betapa perlunya setiap individu

mengetahui tentang apa yang perlu dilakukan dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala tindakan atau perbuatan yang dilakukan supaya semua yang dilakukan menjadi sebahagian daripada amalan terbaik kerana ianya akan dihitung sebagai amalan soleh. Pembangunan belia dalam konteks pengurusan Islam bukan sekadar peningkatan tahap pendidikan, mempunyai kecekapan dan ciri-ciri akhlak terpuji, kesungguhan dan berkeyakinan malah ia berkaitan dengan menghasilkan warga belia yang mempunyai pemikiran minda kelas pertama dan personaliti yang unggul.

Dalam konteks pengurusan Islam yang dipentingkan ialah membangunkan keperibadian dan jati diri belia seteguhnya sepadan dengan potensi yang dimiliki. Penekanan yang diberikan ialah setiap manusia perlu dibangunkan dengan kekuatan spiritual untuk membangkitkan perbuatan dan tanggungjawab yang tulus ikhlas, kekuatan minda dan berdaya maju, kekuatan fizikal untuk melaksanakan tanggungjawab dengan sepenuh tenaga serta dipupuk dengan kesedaran dalaman, kesungguhan, disiplin dan visi masa hadapan yang jelas. Ini kerana manusia perlu dididik dan dilentur supaya mempunyai nilai dan harga diri, kepercayaan diri dan keutuhan diri untuk merangsang masa hadapan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang (Abdul Rahman, 2006).

Dalam konteks pembangunan negara, kita sentiasa berhasrat agar Malaysia membangun mengikut acuan tersendiri, hasil daripada pengajaran yang diperolehi daripada penjajahan serta pengalaman pembangunan di barat yang menunjukkan pembangunan fizikal tidak diseimbangi dengan pembinaan jiwa (rohani), moral dan nilai. Oleh itu adalah wajar sekali pembangunan fizikal diimbangi dengan pembangunan kerohanian. Maka, jelaslah pembangunan belia perlu meliputi kekuatan jasmani dan rohani yang menyeimbangkan duniawi dan ukhrawi. Malah belia melalui kekuatan jasmani dan rohani adalah aset terpenting yang harus dijana sebaik mungkin demi mencapai *al-falah* iaitu kejayaan di dunia dan di akhirat. Justeru, pembinaan akidah yang lengkap dan sesuai dengan landasan ajaran Islam adalah merupakan tunjang penting dalam pembentukan masyarakat yang harmoni serta cemerlang di dunia dan di akhirat.

#### ***a. Pembentukan Akhlak Untuk Pembangunan Belia***

Dewasa ini pelbagai kejadian yang berlaku ekoran dari kelunturan akhlak di kalangan individu seperti rasuah, jenayah, bunuh diri, rogol, seks bebas, dan sebagainya. Apa yang menyedihkan ialah keruntuhan akhlak yang berlaku di kalangan individu Muslim khususnya. Ramai yang mengakui dirinya sebagai Muslim, tetapi tidak memiliki akhlak sebagaimana seorang Muslim yang benar-benar menghayati Islam dan panduan yang digariskan dalam al-Qur'an (Fadillah & Tengku Sarina Aini, 2008).

Akhlak memainkan peranan penting dalam kehidupan individu Muslim. Malah, sesebuah negara akan mencapai kemajuan dan aman makmur jika generasi mudanya terbina daripada individu yang berakhlak luhur dan berhemah tinggi. Sebaliknya, jika golongan muda pada hari ini tidak bermoral, maka hancurlah sesebuah bangsa dan negara itu. Begitulah yang ditegaskan oleh seorang sarjana dan pemikir Islam yang tersohor dan disegani masa kini, Profesor Doktor Yusuf Al-Qardhawi. Hal ini juga disokong oleh golongan aristokrat yang menyimpulkan bahawa sekiranya mahu melihat kemajuan sesebuah bangsa itu maka lihatlah generasi mudanya (Norshafawati, 2014). Tanpa akhlak akan pincanglah sebuah kehidupan dan akan hancurlah sesebuah negara. Perbuatan atau akhlak yang baik itu bukan sahaja akan membawa kebahagiaan kepada orang lain, tetapi juga membahagiakan pelaku itu

sendiri. Allah S.W.T. turut mengasihi dan berserta dengan orang-orang yang melakukan kebaikan.

Pendidikan akhlak merupakan wadah penting untuk merungkai permasalahan akhlak individu dan untuk melahirkan manusia yang baik. Penekanan pendidikan akhlak adalah sangat penting bagi membangun dan melahirkan insan secara bersepadu dan seimbang demi merealisasikan fungsi manusia sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi. Pendidikan akhlak Islamiyyah merupakan satu-satunya cara pendidikan akhlak individu ke arah melahirkan manusia yang dapat membina masyarakat yang membangun selaras dengan maksud pembangunan dalam Islam. Melalui pendidikan yang benar dan tepat, akhlak individu dapat dibentuk dan seterusnya segala kegiatan yang tidak bermoral akan dapat dikawal dan dihapuskan (Tengku Sarina Aini & Yusmini, 2007)

Akhlak seseorang tidak bersifat jumud, beku atau statik tetapi berubah melalui pendidikan, latihan dan disiplin. Menurut Miskawaih, seseorang berpotensi untuk merubah akhlak menjadi baik, sama ada dalam tempoh yang singkat ataupun panjang. Namun begitu, Miskawaih menyatakan lagi bahawa kemampuan dan pencapaian seseorang dalam menerima pendidikan dan perubahan lain adalah berbeza. Sesetengah mereka bersikap responsif terhadap pendidikan dan berubah menjadi baik dalam jangka masa yang singkat. Manakala sesetengah yang lain pula, kekal dalam bentuk yang asal dan akhlak mereka sukar dibentuk (Mohd. Nasir, 2005).

Justeru terdapat pelbagai perspektif dalam al-Qur'an yang melibatkan pelaksanaan akhlak dan kepentingan akhlak sama ada kepada diri, masyarakat, bangsa ataupun negara. Ini kerana kemurniaan akhlak individu turut mempengaruhi kecemerlangan dan kejatuhan sesuatu tamadun. Individu Muslim yang berupaya memindahkan pendidikan akhlaknya kepada pembentukan peribadi mulia dan berbudi pekerti indah akan mampu memberi kesan yang positif terhadap pembinaan masyarakat dan tamadun manusia (Faridah & Tengku Sarina Aini, 2007).

Menurut al-Ghazali (1988) akhlak seorang manusia boleh dibentuk dan diasuh menjadi akhlak yang baik menerusi kaedah *mujahadah* (perjuangan) dan *riyadah* (latihan). Kaedah ini merujuk kepada kaedah pendidikan akhlak dengan meningkatkan ilmu pengetahuan agama Islam dan berusaha bersungguh-sungguh melakukan kebaikan sehingga menjadi kebiasaan dalam bertingkah laku (Mohd. Nasir, 2010). Kaedah ini dinamakan sebagai *tazkiyah al-nafs* (pembersihan jiwa) (Zakaria, 2009). Dalam Islam, proses pendidikan seorang anak bermula sejak bayi dan ibu bapa bertanggung jawab menentukan masa depan anak-anak mereka seperti dijelaskan dalam hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*“setiap anak dilahirkan di atas fitrah, maka kedua ibu bapanya menentukan sama ada menjadi yahudi, nasrani atau majusi”*

(Riwayat Bukhari & Muslim dalam Hasnan, 2008).

Proses pembinaan akhlak belia bukan sekadar berlaku melalui pendidikan formal di sekolah, malah pendidikan secara tidak formal yang dilalui bersama ibu bapa di luar alam persekolahan sejak kanak-kanak memberi pengaruh yang amat besar kepada kehidupan belia. Pendidikan secara tidak formal bermula sejak kecil dalam institusi keluarga meliputi pendidikan akidah, akhlak dan ibadah (Mustafa, 1997). Ini amat penting untuk memastikan anak-anak mendapat pendedahan awal tentang agama bagi membentuk nilai kerohanian yang



mantap dalam diri anak-anak (Azrina, 2007). Individu yang lahir dan membesar dalam keluarga yang mementingkan pendidikan rohani dan menekankan akhlak yang luhur akan menghasilkan impak bermanfaat kepada agama, masyarakat dan negara.

Menurut Abdullah Nasih (1994b), kaedah pendidikan anak-anak yang berkesan pula perlu dilakukan oleh pendidik sama ada ibu bapa dan guru meliputi lima aspek iaitu melalui contoh teladan, pengajaran, pemerhatian, kebiasaan atau adat dan melalui hukuman atau denda. Pendidikan melalui contoh teladan yang baik oleh ibu bapa sama ada dalam pertuturan atau perbuatan adalah sangat berkesan kerana ibu bapa adalah 'role model' kepada anak-anak (Mahmood Zuhdi, 2008). Selain daripada itu, penekanan kepada aspek disiplin juga sangat penting dilaksanakan oleh ibu bapa di rumah dan tidak sewajarnya diserahkan sepenuhnya kepada pihak sekolah. Ini kerana hakikat pembentukan akhlak anak-anak bermula di rumah iaitu oleh ibu bapa yang menekankan aspek disiplin dalam keluarga (Asmak, 2006).

Berdasarkan kajian oleh Rohana, Norhasni, Azimi dan Fathiyah (2013), pembentukan akhlak belia adalah berasaskan pendidikan keagamaan oleh ibu bapa. Kajian mereka ini telah mengukuhkan lagi teori pendidikan akhlak Al-Ghazali (1988) bahawa pentingnya pendidikan agama diberi penekanan dalam pembangunan rohani seorang manusia sejak kecil. Ini juga selaras dengan pandangan Abdullah Nasih (2000) bahawa ibu bapa bertanggung jawab memberi pengajaran, mendidik anak-anak dengan menunjukkan contoh teladan yang baik di samping turut menekankan kaedah hukuman dan denda apabila keadaan memerlukan demikian seperti hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*“suruhlah anak-anak kamu bersolat ketika berumur tujuh tahun dan pukullah mereka ketika berumur sepuluh tahun sekiranya masih belum menunaikan solat”.*

(Riwayat Abu Daud)

Peranan ibu bapa sangat penting dalam proses pembersihan jiwa ini dan diikuti oleh rakan sebaya. Ibu bapa bukan sahaja bertanggung jawab dalam mendidik anak-anak mereka tetapi perlu memastikan anak-anak mereka bergaul dengan rakan sebaya yang baik akhlaknya (Mohd. Nasir, 2010; Asmawati, 2009). Pengabaian terhadap anak-anak dan sikap yang tidak konsisten dalam mendisiplinkan anak-anak boleh menjadi punca kepada tingkah laku delikueni dalam diri belia (Bandura & Walter, 1963).

Banyak kajian mendapati pengaruh ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku belia. Hubungan yang baik dengan ibu bapa mempunyai perkaitan kuat dengan tahap estim sendiri belia (Armsden & Greenberg, 1987), memberi kesan kepada eksplorasi diri (Mohamad Isa, 2011), mempengaruhi pencapaian dalam akademik (Zulkifli, Jamilah, Aminah & Ismi, 2011), mempengaruhi moral belia (Wan Noor Shazalina, 2009) dan memberi kesan kepada penghayatan akhlak Islam (Azhar, 2006; Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan, 2011). Belia yang mempunyai masalah tingkah laku pula sering dikaitkan dengan kesan pengaruh ibu bapa yang negatif (Siti Rabaah, Turiman, Azimi & Ezhar, 2012; Hashim et al., 2008; Mohd Ismail, 2005; Siti Rohana, 2004; Wan Liz Ozman, 2000; Emmanuelle, 2009).

Selain ibu bapa, dapatan kajian daripada Rohana Tan et al. (2013) membuktikan pertautan rakan sebaya turut mempengaruhi pembentukan akhlak belia. Apabila anak-anak mula membesar, proses pembentukan akhlak mula dipengaruhi oleh rakan sebaya. Pertautan rakan sebaya yang positif dan baik merangkumi aspek kepercayaan, rasa diterima atau rasa

disingkirkan dan aspek komunikasi turut mempunyai hubungan dengan pembentukan akhlak belia. Ini membuktikan rakan sebaya adalah individu yang rapat dengan belia dan menjadi satu keperluan dalam kehidupan mereka. Maka, peranan rakan sebaya tidak boleh diperkecilkan dalam membangunkan belia khususnya belia yang tinggal berjauhan daripada ibu bapa. Ini selaras dengan pandangan Jumali, Khaidzir, Shaharuddin dan Noriah (2010) bahawa belia pada tahap usia 18 hingga 25 tahun iaitu pada tahap akhir remaja sememangnya ingin sentiasa bersama rakan sebaya dalam menjalani kehidupan. Menurut Asmak (2006), rakan sebaya bagi belia adalah agensi tidak formal yang memberi pengalaman yang tidak dapat diperolehi daripada keluarga dan sekolah. Malah, rakan sebaya juga dikatakan sebagai ibu bapa kedua kepada belia kerana hubungan yang akrab sehingga mengatasi pengaruh ibu dalam kehidupan mereka lebih-lebih lagi bagi belia yang menghadapi masalah dengan ibu bapa mereka. Terbukti hasil dapatan kajian ini menunjukkan rakan sebaya mempunyai pengaruh dalam pembentukan akhlak belia seperti disebut dalam hadis Rasulullah s.a.w. (dalam Mohd Ismail, 2005) yang bermaksud:

*“....sesungguhnya diumpamakan teman yang baik dan teman yang jahat itu seperti pembawa minyak wangi dan tukang besi. Bagi pembawa minyak wangi, sama ada dia memberimu sedikit atau kamu membeli wangian itu atau kamu dapat mencium daripadanya bau-bauan yang wangi. Bagi tukang besi, boleh jadi percikan besinya mengoyakkan baju kamu atau mendapat bau-bauan yang busuk daripadanya.....”*

Rakan sebaya yang baik adalah cerminan kepada belia untuk berakhlak mulia dan begitu juga sebaliknya. Kajian-kajian tentang punca gejala sosial dan keruntuhan akhlak belia banyak dikaitkan dengan pengaruh rakan sebaya (Badlisham Nasir, 2014; Siti Rabaah et al., 2012; Hashim et al., 2008; Wan Liz Ozman, 2000; Mohd Ismail, 2005). Berdasarkan hasil kajian oleh Badlisham Nasir (2014) yang mengkaji faktor-faktor masalah sosial di salah sebuah felda di Pahang mendapati bahawa faktor tertinggi penyumbangan masalah sosial di kawasan tersebut adalah disebabkan pengaruh rakan sebaya (87%) diikuti sifat ingin mencuba (86%) dan sukakan keseronokan (85%). Melalui dapatan kajian tersebut, dapat disimpulkan bahawa ianya datang daripada naluri seorang remaja sukar dibendung sekiranya tidak diambil perhatian sejak mula lagi.

Oleh yang demikian, rakan sebaya yang baik adalah gambaran kepada belia untuk berakhlak mulia dan begitu juga sebaliknya. Kesimpulannya, pendidikan keagamaan oleh ibu bapa dan pertautan rakan sebaya tidak boleh dipandang ringan dalam pembentukan akhlak belia.

### **b. Kemahiran Untuk Pembangunan Belia**

Menurut Mohd Ismail (2005), setiap belia perlu menguasai pelbagai kemahiran bagi memastikan kehidupan yang cemerlang. Kemahiran-kemahiran tersebut adalah seperti berikut:

#### **Kemahiran menyentuh Aspek Kerohanian**

Aspek utama yang perlu dikuasai oleh golongan belia ialah memahami, menghayati, mengimani, mengamalkan dan menyampaikan segala tuntutan asas ajaran Islam yang terkandung dalam Rukun Iman dan Rukun Islam. Seterusnya, menurut Mohd Ismail (2005) golongan belia perlu berusaha untuk mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan, memelihara tuntutan Islam, memelihara rasa malu, memelihara

sembahyang berjemaah dan memelihara daripada perkara haram dan mungkar, sentiasa bersabar, bersyukur, berzikir, berdoa dan bertaubat, tidak menuruti kehendak nafsu dan tidak menyakiti orang lain, mengenal diri sendiri, bersikap adil dan belas kasihan, berhati-hati terhadap tipu daya syaitan, menghindari riak serta mengamalkan tuntutan agama walau dalam apa jua keadaan di dalam kehidupan seharian.

### **Kemahiran Pengurusan Diri Belia**

Kemahiran pengurusan diri merupakan salah satu daripada kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap belia. Tanpa adanya bekalan kemahiran pengurusan diri ini, individu belia itu akan gagal menonjolkan dan menyerlahkan kekuatan dan sifat-sifat positif yang ada di dalam dirinya. Kemahiran pengurusan diri ini akan meletakkan diri seseorang itu kelihatan berwibawa, berkarisma, berdisiplin, berpotensi, ceria, cakna dan segala penampilan positif akan tergambar dalam kehidupannya. Di antara kemahiran pengurusan diri yang perlu dikuasai oleh setiap belia adalah mengurus masa, mengurus kewangan, mengurus sikap dan tingkah laku, berkomunikasi dengan lisan dan tanpa lisan, penampilan diri, bersosial, kemahiran mendengar, kemahiran bertanya, kemahiran menangani tekanan perasaan, membuat keputusan dan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis.

### **Kemahiran Bersosial**

Belia merupakan manusia yang hidup dalam masyarakat yang suka bersosial. Sesebuah masyarakat tidak akan terbentuk sekiranya tiada kerjasama dan kesefahaman. Maka, kemahiran bersosial amat penting khususnya golongan belia sebagai bekalan bagi membuah segala kedamaian, keharmonian, kebaikan, kesefahaman, kekitaan, keinsafan dan segala benih subur yang positif. Selain daripada itu, belia muslim juga perlu mempunyai kemahiran dalam pergaulan yang berasaskan imam, akhlak dan syariah seperti menghormati hak-hak individu di antara satu dengan yang lain, mendahulukan prasangka positif di dalam pergaulan bagi mengeratkan dan menimbulkan persefahaman, tidak merosakkan dan tidak membantu dalam merosakkan masyarakat, mempamerkan rasa hormat dan tolak ansur terhadap keunikan dan ciri-ciri kepelbagaian masyarakat berbilang kaum, mempunyai keprihatinan dan sensitiviti positif yang tinggi terhadap kebajikan dan keperluan masyarakat sekeliling dan menjauhkan diri daripada unsur pilih kasih dan berat sebelah di dalam kehidupan bermasyarakat. Kemahiran bersosial berlandaskan Islam juga termasuk bekerjasama untuk kebaikan, melakukan sesuatu kerja sosial dengan profesional, melaksakannya bukan untuk mendapat ganjaran material tetapi atas dasar tanggungjawab dengan penuh keikhlasan serta mempunyai komitmen yang tinggi dalam setiap bidang kerja-kerja sosial yang tidak bertentangan dengan norma-norma agama dan hak asasi kemanusiaan.

### **Kemahiran Kepimpinan**

Semua umat Islam sememangnya dilahirkan sebagai seorang pemimpin. Justeru, antara kemahiran kepimpinan yang perlu ada adalah mempunyai semangat berjemaah atau berpesatuan, mempunyai perancangan jangka pendek dan panjang yang jelas, menggalakkan pendapat yang kritikal serta pemikiran yang tidak terkongkong, tidak mengamalkan pilih kasih dan berat sebelah dalam melakukan keputusan, tidak membiarkan perbezaan status menjadi batu penghalang atau menjejaskan proses

pembuatan keputusan, berusaha menjana daya intelek yang tajam, sentiasa benar dan luhur dalam percakapan dan tingkah laku dan mengutamakan tuntutan agama daripada yang lainnya. Selain itu, kemahiran kepimpinan juga merangkumi kesempurnaan ingatan, dapat menggambarkan apa yang dikata, berfikiran terbuka, sanggup menghalusi persoalan dengan perbincangan yang sedikit, menghindarkan senda gurau yang keterlaluan dan sia-sia, dapat mengawal emosi dan diri dalam apa jua keadaan, lapang dada dan cinta kepada keadilan, suka memaafkan, tidak mengenali takut dan melaksanakan setiap pekerjaan dengan penuh keyakinan, melindungi yang lemah dan teraniaya, menghormati orang tua, memuliakan ulama', tegas dan benar-benar berazam, sabar dalam menghadapi kesusahan serta boleh menerima teguran dan nasihat.

### **Kemahiran Berdakwah**

Segala usaha yang dilakukan ke arah amal soleh dan nilai-nilai positif melalui seruan, ajakkan dan pujukan terhadap orang sekeliling adalah dianggap sebagai berdakwah. Intipati kepada seruan ini adalah mengajak manusia menerima Islam sebagai agama yang selamat dan sejahtera. Tugas berdakwah adalah penting kerana manusia itu sendiri memerlukan bimbingan, didikan dan pimpinan yang boleh memandu mereka ke jalan kebenaran dan tidak terpesong ke arah kemungkarannya yang boleh menyesatkan mereka. Antara ciri-ciri utama yang perlu dititikberatkan sebagai pendakwah ialah memahami maksud al-Qur'an dan al-hadis, memahami kaedah dakwah yang berkesan, objektif dakwah yang jelas, beramal dengan apa yang diperkatakan, penampilan diri yang bersih, mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkarannya, menjauhkan sifat sombong, berani di atas kebenaran, fasih berbicara dan pandai berhujah, berlapang dada dan tidak mudah marah, merendah diri, berdoa dan bertawakal.

### **Kemahiran Berkomunikasi**

Kemahiran berkomunikasi amat penting untuk membolehkan ahli-ahli kumpulan bekerjasama dan menyatukan anggota kumpulan. Dengan memiliki kemahiran dalam komunikasi, golongan belia mampu mengubah fikiran dan tindak tanduk seseorang di dalam menanggapi sesuatu idea atau perkara. Di antara ciri-ciri komunikasi yang berkesan ialah berfikiran terbuka, sentiasa ceria dan mudah didekati, menggunakan bahasa yang mudah, tersusun dan bermoral, menyesuaikan diri dengan suasana, mengumpul idea dan maklumat, mengatur dan merancang bahan ucapan serta memahami pantang larang berucap dan strategi berucap. Selain itu, Mohd. Yusof (1986) juga telah menggariskan beberapa prinsip komunikasi yang harus diamalkan oleh pemimpin dalam kumpulan. Prinsip-prinsip tersebut ialah bercakap dengan lemah lembut, menggunakan perkataan yang baik, menggunakan hikmah dan nasihat, bercakap benar, menyesuaikan bahasa dan isi percakapan dengan tingkat kecerdasan pendengar, berhujah dengan cara yang baik, menyebut perkara yang penting berulang kali, mengkotakan apa yang dikata dan mengambil kira pandangan dan fikiran orang lain.

### **Kemahiran Berorganisasi**

Kemahiran berorganisasi merupakan suatu perkara yang amat penting dalam setiap kehidupan individu. Antara beberapa kemahiran berorganisasi yang perlu dikuasai oleh setiap belia ialah mempunyai pemikiran yang terbuka, mengambil bahagian dalam

mesyuarat, mempengerusikan mesyuarat, menyelesaikan masalah yang berbangkit, menerima dan menolak cadangan dalam mesyuarat, bekerja dalam kumpulan, mempunyai perancangan jangka pendek dan panjang yang jelas, mempertingkatkan moral, mempertingkatkan kerjasama dan usaha, mempertingkatkan kreativiti, mempertingkatkan tahap kesungguhan melaksanakan tugas, kesediaan dan berkebolehan berkomunikasi berlandaskan etika bagi menyalurkan pendapat dan berdaya cipta tinggi dalam melahirkan sesuatu yang asli.

## **Kesimpulan**

Kesimpulan yang dapat ditampilkan, belia sebagai insan cemerlang akan wujud apabila teretusnya suatu perancangan yang menyeluruh bertunjangan kepada empat elemen utama iaitu penyuburan dan pengawalan terhadap jasmani, rohani, intelek dan emosi sejajar dengan ajaran Islam. Setiap individu Islam perlu berusaha untuk mencapai kecemerlangan hidup di dunia seterusnya di akhirat.

Di samping itu, para belia juga harus berperanan sebagai agen yang mampu untuk membimbing masyarakat ke arah kebaikan dan kesejahteraan. Sememangnya mereka amat perlukan bimbingan dari golongan yang lebih dewasa, tetapi pada masa yang sama mereka juga perlu mendidik dan membimbing diri mereka sendiri. Mereka mesti mempunyai inspirasi dalaman diri mereka bahawa mereka adalah sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab ke atas diri, rakan, keluarga dan bangsa, serta agama dan negara sendiri. Walaupun bukan semua orang itu boleh menjadi pemimpin kerana bakat, sikap, batasan masa dan peluang, tetapi dengan pendidikan awal di rumah melalui peranan ibu bapa itu sendiri, golongan belia boleh menjadi pemimpin yang berkaliber seterusnya pembimbing kepada rakan-rakan mereka.

Dalam pada itu, pembangunan belia yang positif pada keseluruhannya merujuk kepada penglibatan proses emosi, sosial dan fizikal yang berlaku semasa tempoh remaja. Antara elemen yang terlibat dalam pembangunan belia positif adalah seperti berasa selamat fizikal dan emosi; merasakan suasana kekitaan; dapat membangunkan nilai diri; dapat menerokai diri; dapat membina hubungan yang berkualiti dengan orang lain; dapat membincangkan nilai-nilai yang konflik dalam membentuk diri; merasakan kebanggaan dan akauntabiliti pada diri sendiri dan dapat mengembangkan keupayaan bagi menikmati kehidupan yang lebih baik.

Malah, jika dilihat hubungan antara tingkah laku dan pembangunan belia atau remaja adalah amat signifikan di mana belia akan mudah terpengaruh dengan apa yang dilihat sejak kanak-kanak. Justeru itu terdapat perumpamaan iaitu ‘kanak-kanak seperti kain putih dan terpulang kepada ibu bapa untuk mencorakkannya’ dan ‘jika melentur buluh biarlah daripada rebungunya’. Perumpamaan ini amat tepat dikaitkan dengan tingkah laku belia yang terbentuk bermula daripada kanak-kanak dan juga hasil daripada keimanan atau pegangan akidah kerana mereka yang memiliki tahap keimanan yang tinggi dapat memelihara diri daripada terlibat dengan perkara yang merosakkan akhlak dan akidah.

Lantaran dari itu, proses pembinaan akhlak belia bukan sekadar berlaku melalui pendidikan formal di sekolah, malah pendidikan secara tidak formal yang dilalui bersama ibu bapa di luar alam persekolahan sejak kanak-kanak memberi pengaruh yang amat besar kepada kehidupan belia. Gaya bentuk didikan, asuhan dan tahap kasih sayang ibu bapa dengan

seseorang sejak kecil amat perlu dititikberatkan terutama dalam aspek kerohanian. Pendidikan yang baik oleh ibu bapa adalah bermula daripada diri ibu bapa itu sendiri dengan memberi contoh teladan yang baik dan menjadi 'role model' kepada belia. Hasilnya, belia menghadapi kehidupan beragama yang jitu, memiliki jati diri yang utuh dan tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang bercanggah dengan ajaran Islam. Selain ibu bapa, pertalian rakan sebaya yang baik dan positif juga sangat penting dalam membentuk akhlak dan jati diri belia. Justeru, peranan ibu bapa dan rakan sebaya perlu diberi perhatian sama ada oleh masyarakat setempat mahupun negara dalam membangunkan belia.

Seterusnya, belia masa kini perlu mempunyai kemahiran-kemahiran berlandaskan Islam dalam mengharungi pelbagai cabaran dan halangan kerana golongan belia mampu dilentur mengikut acuan yang dikehendaki. Perancangan, kesungguhan, kesediaan, kesinambungan yang berterusan dan keikhlasan dalam membentuk kesatuan minda bagi setiap lapisan masyarakat adalah penting dalam memperkasakan jati diri golongan belia

Maka, pembangunan belia dari perspektif pengurusan Islam yang menekankan pembentukan akhlak yang luhur dan kemahiran-kemahiran berlandaskan Islam adalah salah satu kaedah ke arah pembentukan belia ideal dan cemerlang agar dapat memberi sumbangan kepada kemajuan negara. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan akan dapat membantu semua pihak yang terlibat dalam pembangunan belia supaya generasi belia akan datang bebas daripada masalah keruntuhan akhlak dan bersama-sama membangunkan tamadun bangsa menuju masa depan negara yang gemilang.

## Rujukan

- Abdul Ghafar Don (2000). *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Abdul Rahman Ahmad (2006). *Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa dalam Konteks Organisasi di Malaysia*. Alor Star: Human Resources Academy.
- Abdullah Badawi (2006). *Membina Tamadun Menjulung Martabat Negara*. Ucapan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa Membentangkan Usul Mengenai RMK-9, 2006-2010 di Dewan Rakyat pada 31 Mac 2006. Diakses pada 17 Julai, 2015 dari <http://www.ipislam.edu.my/index.php/artikel/read/400/membina-tamadun-menjulung-martabat-negara>
- Abdullah Nasih Ulwan (1994a). *Pesanan Kepada Pemuda Islam*, Terj. oleh Ahmad Razaai Ayudin. Kuala Lumpur: Al-Ramadhan.
- Abdullah Nasih Ulwan (1994b). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*, Terj. oleh Syed Ahmad Semait. Singapore: Pustaka Nasional.
- Abdullah Nasih Ulwan (2000). *Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam*, Jilid 2. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali (2011). Media Penyiaran: Implikasinya dalam Pembentukan Akhlak Penuntut-Penuntut Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. *Akademika*, 81(3), 3-8.
- Al-Ghazali (1988). *Ihya' Ulumuddin*, Terj. oleh Ismail Yaakub, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Armsden, G. C., & Greenberg, M. T. (1987). The Inventory of Parent and Peer Attachment: Individual Differences and their Relationship to Psychological Well-Being in Adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 16(5), 427-454.
- Asmak Ali (2006). *Salah Laku Remaja Masa Kini: Cabaran dan Penyelesaiannya*. Shah Alam: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM.

- Asmawati Suhid (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Azhar Ahmad (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam Dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. (Tesis Phd tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Azizan Bahari (1991). *Belia dan Masyarakat*. Pulau Pinang: Majlis Belia Pulau Pinang.
- Azrina Sobian (2007). *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing & Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Badlisham Nasir (2014). *Gejala Sosial di Felda Gugusan Chini Pahang: Faktor dan Cara Mengatasinya*. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik: Perspektif Multi Disiplin. Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi. UKM Bangi.
- Bandura, A., & Walters, R. H. (1963). *Social Learning and Personality Development*. New York: Holt Rinehart and Winston.
- Benson, P. L., Leffert, N., Scales, P. C. Blyth, D. A. (1998). Beyond the “Village Rhetoric” Creating Healthy Communities for Children and Adolescents. *Applied Development Science*, 2(3), 138-159.
- Dasar Pembangunan Belia Negara* (1997). Laman Web rasmi Kementerian Belia dan Sukan. Diakses pada 15 September, 2014 dari <http://www.kbs.gov.my/my/akta-pekeling/dasar.html>
- Emmanuelle, V. (2009). Inter-Relationships among Attachment to Mother and Father, Self-Esteem, and Career Indecision. *Journal of Vocational Behavior*, 75(2), 91-99.
- Fadillah Mansor & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2008). Pembangunan Modal Insan dari Perspektif Pengurusan Islam. *Journal of Al-Tamaddun*, 3, 85-109.
- Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Laman Web rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. Diakses pada 30 Jun, 2015 dari <http://www.moe.gov.my/v/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2007). *Pembinaan Insan dan Tamadun Melalui Pembentukan Akhlak Muslim Menurut Perspektif Al-Qur'an, dalam Islam dan Isu-Isu Kontemporer*. Surabaya: Penerbit eLKAF.
- Fazilah Idris (2009). *Personaliti, Belia dan Perpaduan Etnik dalam Personaliti dan Pembangunan Insan*. Dlm Khairul Anwar Mastor, Hasnan Kasan, Mohamad Mohsin Mohamad Said, Zaharah Hassan & Fazilah Idris (2009). *Personaliti dan Pembangunan Insan* (pp. 163-186). Bangi: Pusat Pengajian Umum UKM.
- Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid, Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor (2008). *Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga: Isu dan Cabaran*. Dalam Seminar Kaunseling Keluarga, 30 ogos 2008, Johor Bahru, Malaysia.
- Hasnan Kasan (2008). *Pendidikan Remaja Muslim*. Putrajaya: JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)* (2009, Mei 22). *Menghargai Zaman Mudamu*. Diakses pada 19 Mei, 2015 dari <http://www.islam.gov.my/khutbah-online/menghargai-zaman-mudamu>
- Jumali Selamat, Khaidzir Ismail, Shaharuddin Ahmad, & Noriah Mohd Ishak (2010). *Pembinaan Sahsiah Remaja Proses dan Perkembangan*. Bangi: Pusat Perkembangan Pelajar UKM.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahathir Mohamad (1991). *The Way Forward-Vision 2020*. Kertas kerja dibentangkan semasa perasmian Malaysian Business Council, Kuala Lumpur.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2008). *Famili Harmoni: Memupuk Keluarga Bahagia*. Shah Alam: Karya Bestari.

- Mohamad Isa Azis (2011). *Pertautan Ibu Bapa dan Rakan Sebaya dalam Kalangan Pelajar Universiti serta Hubungannya dengan Yakin Diri dan Eksplorasi Diri*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Mohd Ismail Mustari (2005). *Menjadi Belia Cemerlang*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Nasir Omar (2005). *Akhlag dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributor Sdn. Bhd.
- Mohd. Nasir Omar (2010). *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Yusof Hussain (1986). Islamization of Communication Theory. *Media Asia*, 13(1), 26-32.
- Mustafa Haji Daud (1997). *Institusi Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norshafawati Abd. Azimi (2014). Aspirasi Kepimpinan Belia. *Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*, Edisi 4/2014, 1-8.
- Rohana Tan & Norhasni Zainal Abiddin (2014). Akidah, Akhlak dan Hubungannya dengan Tingkah Laku Belia di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Ilmu Pendidikan dan pengajaran*, 1(1), 64-79.
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abidin, Azimi Hamzah & Fathiyah Mohd Fakhruddin (2013). Hubungan Pendidikan Keagamaan oleh Ibu Bapa dan Pertautan Rakan Sebaya dengan Akhlak Belia di Institusi Pengajian Awam Terpilih di Selangor. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 9, 91-106
- Sarjit S. Gill & Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail (2008). Perubahan Nilai Budaya Belia Malaysia Menuju Wawasan 2020. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*, 1, 15-34.
- Siti Rabaah Hamzah, Turiman Suandi, Azimi Hamzah & Ezhar Tamam (2012). *The Influences of Sociological Factors towards Hedonistic Behavior among Malaysian Youth*. Paper presented at Proceeding Graduate Research in Education Seminar GREduc2012, 18 November 2012. Published by Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rohana Salleh (2004). *Pengaruh Faktor Ekologi ke atas Kemurungan Remaja*. (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Tajul Ariffin Nordin (1990). *Pendidikan: Suatu Pemikiran Semula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md. Yusoff (2007). *Pendekatan Psikologi dalam Pendidikan Akhlak, dalam Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- University of Minnesota Extension (2005). *Keys to Quality Youth Development*. Diakses pada 20 Jun, 2015 dari <http://www.extension.umn.edu/distribution/youthdevelopment/da6715.html>
- Wan Liz Ozman Wan Omar (2000). *Gagasan Alaf Baru: Mencetus Kebangkitan Malaysia Membina Keagungan*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah (2008). Ibn Sina dan Pembangunan Modal Insan: Analisis Kitab al-Siyasah. *Jurnal Peradaban*, 1, 117-131.
- Zakaria Stapa (2009). Manusia Pembina Tamadun: Perspektif Pemikiran Islam. *Jurnal Hadhari*, 1, 31-44.
- Zulkifli Abd Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad & Ismi Arif Ismail (2011). Hubungan antara Penglibatan Ibumbapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2), 31-40.